

IJN FOUNDATION ANTI-BRIBERY AND ANTI-CORRUPTION NOTICE
NOTIS ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI IJN FOUNDATION

Our Commitment

Komitmen Kami

IJN Foundation (“IJNF”) is committed to conducting all its activities with integrity, transparency, accountability, and the highest standards of ethical conduct.

IJNF adopts a zero-tolerance approach towards all forms of bribery, corruption, fraud, abuse of power, and unethical practices. IJNF is committed to ensuring that all decisions, transactions, partnerships, and engagements are conducted fairly and responsibly in accordance with applicable laws, including the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (“MACCA”).

IJNF expects all individuals and organisations associated with the Foundation to uphold the principles of honesty, integrity, and accountability in carrying out their responsibilities.

IJN Foundation (“IJNF”) komited untuk menjalankan semua aktiviti dengan penuh integriti, ketelusan, akauntabiliti serta mematuhi standard tertinggi dalam amalan etika.

IJNF mengamalkan pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah, korupsi, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan amalan tidak beretika. IJNF komited untuk memastikan semua keputusan, transaksi, kerjasama dan urusan dilaksanakan secara adil dan bertanggungjawab selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“SPRM”).

IJNF mengharapkan semua individu dan organisasi yang mempunyai hubungan dengan IJNF untuk mengamalkan prinsip kejujuran, integriti dan akauntabiliti dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

1. Who This Notice Applies To

Kepada Siapa Notis Ini Terpakai

This Notice applies to all individuals and organisations associated with IJNF, including:

- Board of Trustees (“BoT”);
- Employees and personnel of IJNF;
- Volunteers;
- Donors and sponsors;
- Patients and beneficiaries;
- Consultants, agents and representatives;
- Suppliers, vendors and service providers; and
- Other business associates or third parties acting for or on behalf of IJNF.

Notis ini terpakai kepada semua individu dan organisasi yang mempunyai hubungan dengan IJNF termasuk:

- *Ahli Lembaga Pemegang Amanah (“BoT”);*
- *Pekerja dan kakitangan IJNF;*
- *Sukarelawan;*
- *Penderma dan penaja;*
- *Pesakit dan penerima manfaat;*
- *Perunding, ejen dan wakil;*
- *Pembekal, vendor dan penyedia perkhidmatan; serta*

- *Rakan niaga atau pihak ketiga lain yang bertindak untuk atau bagi pihak IJNF.*

2. Our Anti-Bribery and Anti-Corruption Principles

Prinsip Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi Kami

IJNF is committed to:

- Conducting all activities ethically, honestly and responsibly.
- Prohibiting any form of bribery, corruption, facilitation payments or improper influence.
- Ensuring that decisions are made based on legitimate, transparent and objective considerations.
- Avoiding conflicts of interest that may influence or appear to influence professional judgement.
- Maintaining accurate records of all transactions and payments.
- Protecting individuals who refuse to participate in bribery or corrupt practices.
- Taking appropriate action against any violation of IJNF's Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy.

IJNF komited untuk:

- *Menjalankan semua aktiviti secara beretika, jujur dan bertanggungjawab.*
- *Melarang sebarang bentuk rasuah, korupsi, bayaran pemudah cara atau pengaruh yang tidak wajar.*
- *Memastikan semua keputusan dibuat berdasarkan pertimbangan yang sah, telus dan objektif.*
- *Mengelakkan konflik kepentingan yang boleh mempengaruhi atau dilihat mempengaruhi pertimbangan profesional.*
- *Mengekalkan rekod yang tepat bagi semua transaksi dan pembayaran.*
- *Melindungi individu yang enggan terlibat dalam amalan rasuah atau korupsi.*
- *Mengambil tindakan sewajarnya terhadap sebarang pelanggaran Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi IJNF.*

3. Gifts, Hospitality, Donations and Sponsorships

Hadiah, Hospitaliti, Sumbangan dan Penajaan

IJNF prohibits the giving, receiving, requesting or accepting of gifts, hospitality, travel, donations or sponsorships that may improperly influence business decisions or create an expectation of favourable treatment.

Corporate gifts, hospitality, donations and sponsorships may only be provided or accepted where they are lawful, reasonable, transparent, approved in accordance with IJNF's approval requirements, and do not compromise independent judgement.

IJNF melarang pemberian, penerimaan, permintaan atau penerimaan hadiah, hospitaliti, perjalanan, sumbangan atau penajaan yang boleh mempengaruhi keputusan secara tidak wajar atau mewujudkan jangkaan layanan istimewa.

Hadiah korporat, hospitaliti, sumbangan dan penajaan hanya boleh diberikan atau diterima sekiranya ia mematuhi undang-undang, munasabah, telus, mendapat kelulusan mengikut keperluan kelulusan IJNF serta tidak menjejaskan pertimbangan bebas.

4. Conflict of Interest

Konflik Kepentingan

All individuals associated with IJNF are expected to avoid situations where personal interests may conflict, or appear to conflict, with their responsibilities to IJNF.

Any actual, potential or perceived conflict of interest must be disclosed promptly through the appropriate channels for review and management.

Semua individu yang berkaitan dengan IJNF hendaklah mengelakkan situasi di mana kepentingan peribadi boleh bercanggah atau dilihat bercanggah dengan tanggungjawab mereka kepada IJNF.

Sebarang konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau yang dilihat wujud hendaklah didedahkan dengan segera melalui saluran yang ditetapkan untuk semakan dan pengurusan selanjutnya.

5. Responsibilities of Everyone Associated with IJNF

Tanggungjawab Semua Pihak Berkaitan Dengan IJNF

Everyone associated with IJNF is expected to:

- Understand and comply with the IJNF Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy.
- Act with integrity and avoid any conduct that may constitute bribery or corruption.
- Report suspicious activities, unethical conduct, or suspected violations.
- Maintain confidentiality of information obtained through their involvement with IJNF.
- Attend relevant training and comply with applicable declarations where required.

Semua pihak yang berkaitan dengan IJNF hendaklah:

- *Memahami dan mematuhi Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi IJNF.*
- *Bertindak dengan penuh integriti serta mengelakkan sebarang perlakuan yang boleh dianggap sebagai rasuah atau korupsi.*
- *Melaporkan aktiviti mencurigakan, perlakuan tidak beretika atau pelanggaran yang disyaki berlaku.*
- *Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi melalui penglibatan mereka dengan IJNF.*
- *Menghadiri latihan berkaitan serta mematuhi pengisytiharan yang diperlukan.*

6. Reporting Concerns or Violations

Pelaporan Kebimbangan atau Pelanggaran

IJNF encourages employees, business associates and stakeholders to report any actual or suspected bribery, corruption, unethical conduct or violation of this Notice or the IJNF Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy.

Reports made in good faith will be treated confidentially and handled appropriately. IJNF strictly prohibits retaliation against any person who raises concerns in good faith.

For further details, please refer to the IJNF Whistleblowing Policy.

IJNF menggalakkan pekerja, rakan niaga dan pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang kejadian rasuah, korupsi, perlakuan tidak beretika atau pelanggaran yang sebenar atau disyaki berlaku terhadap Notis ini atau Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi IJNF.

Laporan yang dibuat dengan niat baik akan dikendalikan secara sulit dan sewajarnya. IJNF melarang sebarang tindakan balas terhadap mana-mana individu yang membuat laporan dengan niat baik.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Dasar Pemberi Maklumat (Whistleblowing) IJNF.

7. Consequences of Non-Compliance

Akibat Ketidakpatuhan

IJNF considers bribery and corruption as serious misconduct.

Any individual or organisation found to have breached the IJNF Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy may be subject to appropriate action, including disciplinary action, termination of contract, reporting to relevant authorities, and other legal actions where applicable.

IJNF menganggap rasuah dan korupsi sebagai salah laku serius.

Mana-mana individu atau organisasi yang didapati melanggar Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi IJNF boleh dikenakan tindakan sewajarnya termasuk tindakan tatatertib, penamatan kontrak, pelaporan kepada pihak berkuasa berkaitan serta tindakan undang-undang jika berkenaan.

8. Contact Us

Hubungi Kami

For any enquiry or concern relating to this Notice or the IJNF Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy, please contact:

Untuk sebarang pertanyaan atau kebimbangan berkaitan Notis ini atau Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi IJNF, sila hubungi:

IJN FOUNDATION

Level 13A, Bangunan Yayasan Selangor

Jalan Raja Muda Abdul Aziz

Kampung Baru

50300 Kuala Lumpur

Tel: +603 2639 6200

Fax/Faks: +603 2694 0768

Email / Emel: contact@ijnfoundation.org

9. English Version Prevails

Versi Bahasa Inggeris Mengatasi

In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Notis ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.